

Ketetapan Umum No. 4/2001

TEMPOH ASAS BAGI SUATU PUNCA BUKAN PERNIAGAAN (INDIVIDU & ORANG SELAIN DARIPADA SYARIKAT)

1.0 UNDANG-UNDANG CUKAI

Ketetapan ini menjelaskan pemakaian seksyen 20 dan 21 **Akta Cukai Pendapatan 1967**. Ia berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2001 dan tahun-tahun taksiran seterusnya. Ketetapan ini menggantikan Ketetapan Umum No. 1/2000 bertarikh 1 Mac 2000.

2.0 PEMAKAIAN KETETAPANINI

Ketetapan ini menjelaskan penentuan tempoh asas bagi suatu punca bukan perniagaan [*rujuk perenggan 4.1*] bagi individu dan orang selain daripada syarikat [*rujuk perenggan 4.2*].

3.0 BAGAIMANA UNDANG-UNDANG CUKAI DIGUNAPAKAI

3.1 Seseorang dikenakan cukai pendapatan atas semua punca pendapatannya bagi suatu tahun taksiran.

3.2 Pendapatan daripada suatu punca adalah ditentukan berkaitan dengan tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.

3.3 Bagi punca bukan perniagaan, tahun asas bagi suatu tahun taksiran [*rujuk perenggan 4.3 dan 4.4*] adalah tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

Contoh

Seorang individu menerima 2 dividen, bertarikh 05.01.2001 dan 28.12.2001, pada 10.01.2001 dan 02.01.2002, masing-masing.

Tahun asas bagi tahun taksiran 2001 ialah tahun kalendar 2001. Oleh itu, kedua-dua dividen yang diterima bagi tahun kalendar 2001 hendaklah dikenakan cukai bagi tahun taksiran 2001.

3.4 Sebagai konsesi, sebuah koperasi yang mempunyai pendapatan daripada punca perniagaan dan punca bukan perniagaan boleh memilih tempoh asas bagi punca perniagaannya sebagai tempoh asas bagi semua punca bukan perniagaannya. Jika koperasi itu memilih sedemikian, ia perlu melakukannya secara konsisten bagi semua punca bukan perniagaannya bagi tahun-tahun berikutnya.

Contoh

Sebuah koperasi menutup akaunnya pada 30 Jun setiap tahun. Ia mempunyai pendapatan daripada 2 punca: perniagaan dan sewa.

Tempoh asas bagi tahun taksiran 2001 untuk punca perniagaan adalah tahun perakaunan 01.07.2000 hingga 30.06.2001 [rujuk Ketetapan Umum No. 5/2001].

Tempoh asas bagi tahun taksiran 2001 untuk punca bukan perniagaan (sewa) adalah tahun berakhir 31.12.2001 [rujuk perenggan 3.3 di atas]. Walau bagaimanapun, koperasi itu boleh memilih tempoh asas bagi punca perniagaannya, iaitu 01.07.2000 hingga 30.06.2001, sebagai tempoh asas bagi punca bukan perniagaannya.

3. 5 Dalam kes syarikat, tempoh asas bagi suatu tahun taksiran untuk punca bukan perniagaan hendaklah ditentukan menurut seksyen 21A Akta Cukai Pendapatan 1967 [rujuk Ketetapan Umum No. 7/2001].

4.0 INTERPRETASI

Bagi maksud ketetapan ini:

4.1 "Punca bukan perniagaan" termasuk penggajian, pencen, dividen, faedah, sewa dan royalti yang tidak dianggap sebagai sebahagian daripada punca perniagaan.

4.2 "Orang selain daripada syarikat" termasuk koperasi, keluarga sekutu Hindu, badan amanah, harta pusaka di bawah pentadbiran, kelab dan persatuan.

4.3 "Tahun asas bagi suatu tahun taksiran" bermaksud tahun kalender yang bersamaan dengan tahun taksiran.

4.4 Tahun taksiran" bermaksud tahun kalendar.

(Tarikh Keluaran: 30 April 2001)